

Semak logo SSM BizTrust elak ditipu

➔ Pengguna perlu kenal pasti entiti perniagaan sebelum urus niaga dalam talian

Oleh Haika Khazi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menasihati orang ramai melakukan semakan melalui portal <https://biztrust.ssm.com.my/> sebelum melakukan sebarang transaksi urus niaga dalam talian.

Ia bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa penipuan sindiket perniagaan dalam talian yang semakin berleluasa.

SSM dalam satu kenyataan berkata, kemudahan itu diperkenalkan sejak dua tahun lalu membolehkan

pengguna mengenalpasti entiti perniagaan yang mematuhi undang-undang melalui siji perakuan digital dikeluarkan agensi berkenaan.

Katanya, paparan logo SSM BizTrust di laman sesawang sesebuah perniagaan dalam talian membolehkan pengguna melakukan semakan entiti perniagaan terbabit sebelum meneruskan urus niaga mereka.

Transaksi benar, terjamin

"Dengan adanya portal itu, pengguna boleh yakin transaksi dijalankan dengan perniagaan dalam talian itu adalah benar dan terjamin berdasarkan penarafannya yang tercatat pada profil perniagaan dalam rekod SSM."

"SSM turut melaksanakan pengesahan identiti pemilik perniagaan sebelum ia didaftarkan melalui imbasan kad biometrik (BCR) bertujuan memastikan individu (pembawa kad pengenalan) adalah pemilik sebenar perniagaan didaftarkan berkuatkuasa 8 September 2016," katanya.

Keseluruhannya, 3,295 entiti perniagaan dalam talian sudah men-

dapatkan penarafan SSM BizTrust sehingga 23 Mei lalu.

Sementara itu, operasi pemantauan turut dipergiatkan ke atas alamat laman sesawang pengendali perniagaan dalam talian dan tindakan memberi notis pematuhan dilakukan jika terdapat sebarang pelanggaran. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197).

"Jika ada aduan diterima, kita akan terus bertindak dan mengambil tindakan sewajarnya. Bermula 2018 sehingga Mei 2019, sebanyak 5,475 pemeriksaan URL (termasuk laman web, Facebook dan Instagram) serta entiti perniagaan dalam talian sudah dilaksanakan," katanya.

Katanya, mana-mana peniaga atau syarikat yang gagal mendaftarkan perniagaan dalam talian dengan SSM, tindakan undang-undang boleh dikenakan mengikut Seksyen 12 Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.



SSM turut laksana pengesahan identiti pemilik perniagaan sebelum ia didaftarkan melalui imbasan kad biometrik memastikan individu (pembawa kad pengenalan) adalah pemilik sebenar perniagaan"

Kenyataan SSM

"Bagi syarikat pula, tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 30(2) Akta Syarikat 2016 iaitu gagal menzahirkan nama berdaftar dan nombor pendaftaran syarikat. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-dua sekali," katanya.

Anjur kempen kesedaran

SSM turut mengadakan pelbagai program bagi memberikan kesedaran kepada peniaga dalam talian untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

"Kita juga mengambil inisiatif menganjurkan kempen kesedaran #scamalert bertujuan mewujudkan kesedaran awam berkaitan pelaburan haram yang selalunya dipromosikan melalui media sosial.

"Ini selepas melihat isu pelaburan haram ini terus wujud dan mempunyai impak negatif terhadap ekonomi masyarakat umum yang menyebabkan kerugian wang berjuta ringgit," katanya.